

Headline **Jualan amal pupuk keyakinan residen**
Date **13 Jul 2009**
MediaTitle **Sinar Harian (Pahang)**
Section **NEWS**
Journalist **NORMAWATI MUHAMAD KASIM**
Frequency **Daily**
ADValue **1,705**

Language **Malay**
Page No **2**
Article Size **310 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **5,115**



Jualan amal pupuk keyakinan residen

NORMAWATI MUHAMAD KASIM

KUANTAN – Jualan amal sambil menderma residen Rumah Rawatan dan Pemulihan Dadah dan HIV Aids (Casa Villa Halfway House) diadakan julung kali bagi menghubungkan residen dengan masyarakat luar.

Pengurus Projeknya, Raja Dzuriani Raja Ibrahim berkata, sebelum ini, residen Casa Villa lebih banyak meminggirkan diri daripada masyarakat dan inilah masanya mereka kembali bergaul setelah beberapa bulan berada di Casa Villa.

Menurutnya, jualan amal itu bertujuan mengajar cara dan kemahiran yang betul menjalankan sesuatu seperti perniagaan kerana sebelum ini mereka menyalahgunakan kemahiran mereka dengan cara salah.

"Seramai 10 residen dan tiga fasilitator terbabit jualan amal ini.

"Selain mahu menghubungkan mereka dengan masyarakat, kami juga mahu meningkatkan kembali semangat dan keyakinan mereka.

"Setelah melalui banyak perkara yang meninggalkan titik hitam dalam hidup mereka, jualan amal ini adalah platform memupuk kembali keyakinan residen kerana sudah terbukti masih ada masyarakat menerima mereka,"

katanya ketika ditemui pada Jualan Amal Sambil Menderma Casa Villa Halfway House di sini, semalam.

Beliau berkata, walaupun masyarakat mengetahui jualan ini dianjurkan Casa Villa, tetapi masyarakat dapat menerima kehadiran residen dengan datang membeli di tapak jualan mereka.

"Projek jualan amal ini juga diharap dapat menampung dana Casa Villa kerana kadang-kadang, apabila kami adakan program 'outing', dana ini dapat digunakan tanpa meminta sumbangan daripada mana-mana pihak.

"Program 'outing' dan luar yang kami adakan dapat mengelakkan residen berasa bosan dan kesunyian kerana ramai antara mereka tidak mempunyai rumah berikutan disisihkan keluarga sendiri," katanya.

Katanya, banyak program yang diadakan bersama masyarakat seperti membantu membersihkan kubur, khidmat komuniti, gotong-royong, membantu semasa kenduri dan menyertai program anjuran badan kerajaan atau badan bukan kerajaan (NGO).

"Kami tidak terlepas menyertai setiap program yang dianjurkan mana-mana pihak yang bermanfaat kepada residen.

"Program dan aktiviti yang disertai akan mem-

buatkan masa residen terisi dengan aktiviti berfaedah dan ini akan membuatkan mereka lupa dengan pelbagai masalah yang dihadapi," katanya.

Sementara itu, salah seorang residen, Mohd Amirul Ikram Husin, 24, berkata, dia gembira kerana dapat terbabit program jualan amal itu.

"Sebelum ini, saya hanya berada dalam kelompok saya sendiri di Casa Villa dan saya gembira dapat bercampur dengan masyarakat pada hari ini.

"Ramai yang datang mengunjungi dan membeli baju di tapak jualan kami. Tidak menang tangan kami dibuatnya.

"Ini adalah salah satu cara untuk saya mengurangkan tekanan dan kini, sudah enam bulan saya berada di Casa Villa," katanya.



Residen sedang sibuk menjual pakaian kepada pengunjung pada jualan amal anjuran Casa Villa.